



>> Perjanjian dibuat antara Zizan dengan syarikat pengurusan bukan melalui Marina

05-04-2016

setempat

19

HARIAN METRO

Saman kena tolak

■ Bekas pengurus Zizan sepatutnya bertindak guna nama syarikat

Murni Wan Omar
murni@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menolak saman dikemukakan bekas pengurus pelawak dan pelakon Zizan Razak berhubung dakwaan pelanggaran kontrak perjanjian.

Hakim Rosbiahanin Arifin dalam keputusannya menolak permohonan Marina Juki terhadap Zizan atau nama sebenarnya Mohd Razizan

Abd Razak selepas mendapati saman itu sepatutnya dikemukakan melalui syarikat bukan individu.

Beliau memutuskan saman itu sepatutnya difailkan melalui Wire Fame Entertainment Sdn Bhd (Wire Fame) kerana perjanjian dibuat antara Zizan dengan syarikat pengurusan itu bukan melalui Marina.

Mahkamah dalam keputusannya menolak tuntutan balas Zizan terhadap wanita

itu selepas mendapati tiada unsur penyalahgunaan proses mahkamah seperti yang didakwa.

Kos ditentukan pada tarikh lain.

Peguam Wan Nurliyana Abdul Rahman mewakili Marina manakala Zizan diwakili Rishwant Singh.

Marina dan Zizan bagaimanapun tidak hadir di dalam prosiding itu.

Pada 5 November 2014, Marina memfailkan saman

terhadap Zizan mendakwa artis itu melanggar syarat perjanjian dengan mengikat kontrak dengan syarikat lain, sebelum kontraknya bersama Wire Fame tamat pada 5 Mei 2015.

Marina dalam pernyataan tuntutannya menuntut ganti rugi khas RM500,000 dan ganti rugi am 15 peratus atas semua pendapatan yang diperolehi Zizan daripada syarikat pengurusan lain.

Marina membuat tuntutan ganti rugi bagi pelanggaran kontrak itu termasuk kos dan tuntutan lain yang difikirkan munasabah oleh mahkamah.



FAKTA
Mahkamah tolak tuntutan balas Zizan

Kuala Lumpur

Mahu ke Mahkamah Persekutuan

Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu merujuk isu perundangan di dalam kes semakan kehakiman yang dikemukakannya terhadap keputusan Lembaga Pengampunan ke Mahkamah Persekutuan.

Perkara itu dimaklumkan oleh peguam Latheefa Koya yang

mewakili Anwar ketika ditemui selepas pengurusan kes di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Nor Bee Ariffin di sini, semalam.

Menurut Latheefa, semalam ditetapkan untuk pendengaran permohonan Anwar dan ahli keluarganya.

Kuala Lumpur

Sunting kenyataan melampau

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan mendakwa portal berita Malaysiakini membuat suntingan melampau kenyataannya sehingga mengubah maksud asal.

Beliau berkata demikian melalui jawapan kepada

pembelaan dalam samannya terhadap portal itu dan wartawannya, Geraldine Tong, yang diperoleh media, semalam.

Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, mendakwa artikel dan video yang diterbitkan pada 6 November 2015 itu menjatuhkan maruahnyanya.

 DAIHATSU

www.daihatsu.com.my



**PILIHAN TERBUKTI UNTUK MENERAJUI
PERNIAGAAN TRAK MAKANAN ANDA**

* Tertakluk kepada terma dan syarat.



PILIHAN



SERVIS



KUALITI



NILAI



SOKONGAN



CIRI-CIRI



JAMINAN

Kini, anda boleh menguruskan perniagaan trak makanan harian dengan lebih cekap. Dengan ciri pacuan roda belakang yang handal, Daihatsu Gran Max memastikan kecekapan di tahap maksimum untuk membawa semua muatan anda. Nikmati lebih nilai ke atas pelaburan anda dengan pakej hebat kami yang merangkumi khidmat sokongan dan servis yang lengkap.

PENGEDAR

KELANTAN • Soon Seng Motors Tel: 09-7486837 KEDAH • ADK Roda Sdn. Bhd., Alor Setar Tel: 04-772 2726 • As Pro Motors Sdn. Bhd., Alor Setar Tel: 04-771 1999 • Metaco Auto Sdn Bhd - Sungai Petani Tel: 04-437 0188 TERENGGANU • Yeow Lee Commercial Sdn Bhd. Tel: 09-6226758 PERAK • Saga Superior Sdn. Bhd. Ipoh Tel: 05-322 7221, Branch 05-241 4700 • Aatoria Trucks Sdn. Bhd., Ipoh Tel: 05-255 3230 PENANG • As Pro Motors Sdn. Bhd., Bukit Mertajam Tel: 04-5373066 • Hong Thai Motor Trading Sdn. Bhd., Penang Tel: 04-228 1220 • Kumpulan Edaran Otomobil M.T.H (M) Sdn Bhd., Butterworth Tel: 04-537 9426 PAHANG • Lim Motors Sdn. Bhd., Kuantan Tel: 09-566 4191 • Pacific Motor Sdn. Bhd, Temerloh Tel: 09-290 1722 • Kuantan Motor Sdn Bhd. Tel: 09- 566 4444 SELANGOR • Saga Superior (PJ) Sdn Bhd, PJ. Tel: 03-78048323 • Autoquip Sdn. Bhd., Kajang Tel: 03-8736 1279 • Liong Seng & Son Trading Sdn. Bhd., Klang Tel: 03-3374 1998 KUALA LUMPUR • Summit Motors Sdn. Bhd., Kuchai Jaya Tel: 03-7984 4378 • PTM Trucks Sdn. Bhd., Batu Caves Tel: 03-6188 6162 NEGERI SEMBILAN • Sembillion Motors Sdn. Bhd., Seremban Tel: 06-764 6666 BAHAU Tel: 06-454 9999 MELAKA • Sam Him Motors Sdn Bhd. Tel: 06-337 6939 • Paramount Value Sdn. Bhd. Tel: 06-281 2821 JOHOR • Auto Galaksi Sdn. Bhd., Johor Bahru Tel: 07-331 6388 • N.K Automobil Sdn. Bhd., Johor Bahru Tel: 07-238 5533 • One Auto Technology Sdn.Bhd., Muar Tel: 06-952 0888 • Eng Lee Auto, Johor Bahru Tel: 07-386 6133, Kluang Tel: 07-771 7410 • Sam Hin Motors, Segamat Tel: 07-931 7939 Muar Tel: 06-951 8368

DAIHATSU (MALAYSIA) SDN. BHD. (55324-H)
(A subsidiary of MBM Resources Berhad - 284496-V)

Ibu Pejabat : Lot 1, Jalan Keluli, Section 15, 40200 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5510 9988 / 7969 Fax: 03- 5510 8872 Hotline Pelanggan: 03-5510 1399

CAWANGAN

SELANGOR • Shah Alam Tel: 03-5510 8055 • Serdang Raya Tel: 03-8941 1406 • Puchong Tel: 03-5882 5199 KUALA LUMPUR • Kepong Tel: 03-6276 3417 PENANG • Butterworth Tel: 04-397 2151 PERAK • Ipoh Tel: 05-506 0331 JOHOR • Batu Pahat Tel: 07-431 5910 • Johor Bahru Tel: 07-224 6602 SABAH • Kota Kinabalu Tel: 088-381 112

Gran Max
DIBINA UNTUK MENJANA PERNIAGAAN